

Nationwide labur RM5 juta perkenal kurier farmaseutikal

SHAH ALAM 28 April - Penyedia perkhidmatan kurier dan logistik, Nationwide Express Courier Services Berhad (Nationwide) memperkenalkan perkhidmatan penghantaran baharu yang dikenali sebagai Penghantaran Khusus Farmaseutikal.

Pengarah Urusan Nationwide, Rozilawati Basir berkata, pihaknya melabur sebanyak RM5 juta untuk memperkenalkan perkhidmatan tersebut yang dikhususkan bagi menghantar barangan seperti ubat-ubatan sensitif dengan suhu dan memerlukan penghantaran

sejuk beku.

Menurutnya, pengenalan perkhidmatan yang melibatkan pembelian kira-kira 19 buah lori pelbagai saiz yang dilengkapi kontena sejuk beku itu dijangka menyumbang tambahan 10 peratus kepada pendapatan kumpulan.

"Bagi memperkenalkan perkhidmatan ini, kami turut melengkapkan stesen-stesen kurier dengan kemudahan penyimpanan sejuk beku selain melatih pekerja untuk mengendalikannya.

"Ini bermakna perkhidma-

tan yang telah pun dimulakan sejak 1 April lalu itu hanya melibatkan pekerja-pekerja mahir,"katanya kepada pemberita selepas pelancaran perkhidmatan tersebut di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Penasihat Korporat dan Pengarah Bukan Eksekutif KPJ Healthcare, Datin Paduka Siti Sadiyah Sheikh Bakir dan Pengerusi Nationwide, Tun Zaki Tun Azmi.

Rozilawati memberitahu, pengenalan perkhidmatan baharu itu adalah untuk membantu pelanggan mereka mengikuti garis panduan Amalan Pengedar-

an Baik (GDP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Katanya, GDP adalah untuk memastikan penyimpanan, penghantaran dan pengagihan mana-mana produk berdaftar terutama barangan kosmetik serta sensitif dengan suhu sanpai kepada pelanggan dalam keadaan kualiti yang baik.

"Kami juga menyasarkan untuk mengembangkan lagi industri penghantaran sejuk beku ini bukan setakat kepada barangan perubatan sahaja tetapi kepada semua jenis barangan yang memerlukan perkhidmatan ini,"ujarnya.

PERNYATAAN MINAT

Kilang-kilang yang telah siap dan Tanah Perindustrian Kosong

1. Pihak Pelikuidasi mempelawa pihak-pihak yang berminat supaya mengemukakan pernyataan minat mereka bagi pembelian projek pembangunan hartanah perindustrian yang terdiri daripada lot kilang dua tingkat dan 1 ½ tingkat yang telah siap, bengkel dua tingkat dan tanah kosong secara 'as it where is' dan 'en bloc'.
2. Satu Memorandum Maklumat, yang mengandungi butiran mengenai hartanah serta terma dan syarat penjualan boleh didapati pada RM 200.00 untuk setiap salinan, samada secara tunai atau draf bank / kiriman wang / wang pos di atas nama /Merger Acceptance Sdn Bhd (In Liquidation) di alamat di bawah

Merger Acceptance Sdn Bhd (In Liquidation)

c/o Messrs S. K. Tee & Co
8, Jalan Nyonya, Pudu
55100 Kuala Lumpur

